

D.Y.M.M. BERSEDIA BERTEMU MUKA DENGAN PENGKERITIK2 BRUNEI

dan Meng'aibkan Mereka Kerana Membuat Tudohan2 Falsu Terhadap Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin bertitah bahawa Baginda bersedia bertemu muka dengan pengkeritik2 Brunei dan meng'aibkan mereka kerana membuat tudohan2 palsu terhadap negeri ini. Baginda telah bertitah sa-demikian ketika bertitah menerusi Radio Brunei baharu2 ini.

Dalam titah tersebut, Duli Yang Maha Mulia telah menyentoh terhadap satu sungutan Soviet Union di-Pertubohan Bangsa2 Bersatu semasa Baginda bersemayam di-London.

Soviet Union, titah Baginda, telah menyatakan bahawa Brunei ia-lah sa-buah Tanah Jajahan British dan kekayaan-nya telah di-samun dengan mendatangkan kerugian besar kepada ra'ayat Brunei.

"Kita di-Brunei mengetahui betapa dusta-nya tudohan2 yang sa-demikian itu", titah Baginda.

Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dengan sa-penoh-nya ada-lah saperti berikut:

"Beta mengucapkan shukur ka-Hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang Beta telah dengan selamat-nya menjejak semula tanah Brunei dan balek bersama dengan ra'ayat Beta yang di-kasehi.

Kediaman Beta di-London telah berlanjutan dengan tidak di-sangka2 oleh kerana beberapa urusan2 yang penting yang terpaksa di-selenggarakan di-sana oleh Beta sendiri dalam menjalakan tanggung-jawab Beta sa-bagai Sultan dan juga bagi mengusahakan keamanan dan keselamatan Negeri Brunei dan ra'ayat-nya pada menjauhkan dari bahaya2 dan mengusahakan rancangan2 bagi kemajuan siasah dan ekonomi Negeri ini, perlaksanaan rancangan2 tersebut berkehendakkan supaya keamanan dan keselamatan terjamin.

Sangat-lah gembira Beta mengetahui bahawa semasa ketiadaan Beta, pertadbiran Kerajaan dalam segala segi telah di-jalankan dengan lchin dan tiada gangguan.

Dari kenyataan bersama yang telah di-keluarkan bagi pehak Kerajaan Brunei dan Kerajaan Baginda Queen, ra'ayat Brunei akan dapat mengetahui bahawa mulai daripada tarikh di-adakan pilehan raya dalam bulan Mach akan datang ini, langkah2 yang (Lihat Muka 5)


D. Y. M. M. SELAMAT BERANGKAT KEMBALI DARI UNITED KINGDOM KA-TANAH AYER

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah selamat berangkat kembali ka-Tanah Ayer dari United Kingdom dengan kapal terbang pada pukul 9 malam 9 Januari, 1965 sa-telah Baginda bersemayam di-sana selama kira2 dua bulan.

Baginda telah tiba di-Brunei dengan sa-buah kapal terbang khas dari Singapura dan telah di-alu2kan di-Lapangan Terbang Berakas oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Pesuruh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei, Pegawai2 Kanan Kerajaan, Ahli2 Majlis2 Mashuarat di-Raja, Kerajaan dan Negeri Brunei, Ketua2 Pejabat dan lain2-nya.

Semasa di-United Kingdom, Baginda telah mengadakan perundingan2 dengan Setia Usaha Komonwealth Inggeris, Awang Artur Bottomley mengenai berbagai2 perkara yang bersangkut paut dengan Negeri Brunei.

Selain dari itu Duli Yang Maha Mulia dan Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei yang mengiringi Baginda telah juga mengadakan perundingan2 dengan Pegawai2 Pejabat Perhubungan Komonwealth, Pegawai2 Kementerian Pertahanan Inggeris, Pegawai2 Kementerian Pembangunan Seberang Laut dan Pegawai2 yang lain di-United Kingdom.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini turun dari kapal terbang pada masa perkembalian Baginda di-Tanah Ayer dari United Kingdom pada malam 9 Januari, 1965.

Y.T.M Duli Pengiran Pemancha Menyeru Umat Islam Di-Brunei Khas-nya Dan Penduduk2 'Am-nya Supaya Memahami Usaha2 Kemajuan Yang Di-jalankan Oleh Kerajaan

BANDAR BRUNEI.—Timbalan Sultan, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah melafadzkan satu titah yang amat di-hargai sa-lepas tamat Pertandingan Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei pada malam 2 Januari, 1965.

Di-bawah ini ia-lah titah ucapan tersebut dengan sa-penohnya:

“Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan Pengerusi Jawatan Kuasa Pertandingan Senegeri, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli2 Jawatan Kuasa, Pengiran2, Pehin2 Awang2 dan Dayang2 sekalian.

Al-hamdulillah saya bershukor kepada Allah Subhanahuwatala atas taufek dan hidayah-nya maka pada malam berbahagia ini dapat-lah saya bersama2 dengan Awang2 dan Dayang2 sekalian menyaksikan Pertandingan Bacha'an Al-Qura'an Senegeri Brunei bagi memilih Johan dan Naib Johan bacha'an Al-Qura'an pada tahun ke-empat ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Jawatankuasa Pertandingan Senegeri yang telah menjemput saya dan berucap sapatah dua dalam majlis yang bahagia ini, serta menyampaikan hadiah2 dan sijil2, disamping itu saya sangat-lah gembira menyaksikan usaha2 kemajuan seperti yang kita saksi pada malam ini.

Usaha2 kemajuan Hal Ehwal Ugama khas-nya, dan juga kepada kemajuan negara Brunei yang sedang pesat dalam pembangunan am-nya yang sangat menarik saya pada malam yang bahagia ini, kerana melihat sambutan yang bersemangat daripada para hadirin sekalian, ini ada-lah menunjukkan hasrat dan semangat ra'ayat yang sedar kepada tanggung jawab terhadap Ugama dan negara mereka, dengan ada-nya sambutan yang seperti ini saya perchaya kemajuan Ugama Islama khas-nya dan kemajuan2 dalam usaha membangun negara am-nya akan dapat kita rasakan dan kita nikmati kemajuan-nya dari sa-tahun kesat-tahun.

Sa-sungguh-nya sambutan yang Awang2 dan Dayang2 berikan kepada Pertandingan di-malam yang bahagia ini, ada-lah memberi keperchaya'an kepada saya bahawa Awang2 dan Dayang2 chintakan Ugama, chintakan negara dan chintakan tanah ayer sendiri, oleh itu saya berseru kepada Umat Islam di-Brunei ini khas-nya dan penduduk2 am-nya supaya memahami dengan sedalam2-nya usaha2 kemajuan yang di-jalankan untuk nikmat

dan faedah negara dan ra'ayat kerana usaha kemajuan dan ranchangan2 yang di-lancarkan sekarang ini ada-lah berlipat ganda daripada tahun2 yang sudah, demi untuk membangun dan meninggikan taraf kehidupan ra'ayat yang saya perchaya Awang2 dan Dayang2 tidak mahu ketinggalan dari negeri2 yang lain.

Sungguh pun demikian segala usaha2 ini tidak-lah mudah kita usahakan melainkan mendapat sukongan dan kerjasama daripada ra'ayat yang ingin menikmati kemajuan negeri ini.

Usaha yang penting sekali menuju ke-arah chita2 kita ini ia-lah menjaga keamanan dan ketenteraman dengan ada-nya ketenteraman dan keamanan atau dengan terpelihara dan kekal-nya keamanan di-dalam negeri ini, maka segala ranchangan2 dan usaha2 kemajuan yang di-fikirkan dan di-perchayai memberi faedah dan kebajikan kepada ra'ayat dan negeri itu akan dapat di-laksanak-an dengan tidak bertanggoh2 lagi, dengan terlaksana-nya segala

ranchangan2 dan usaha2 kemajuan itu maka ra'ayat dan Negeri Brunei akan sentiasa berada dalam kema'moran dan kebahagiaan.

Dengan berkat semangat Al-Qura'an yang kita dengar tadi, yang telah di-bacha oleh suara2 yang merdu dan mendayu2 itu, maka kita pada malam yang berbahagia ini mari-lah menanamkan semangat di-hati sanubari kita bahawa tiap2 sa-saorang daripada kita yang di- antara bilangan2 ke-chil ra'ayat negeri ini di-anggar-kan 85,000 jiwa patut-lah berusaha dan menjaga serta bertanggung jawab memelihara keamanan dan ketenteraman negeri ini, bagi kepentingan kita bersama maka mari-lah kita menunaikan pekerja'an menurut tanggung jawab dalam jurusan masing2 untuk kebajikan dan faedah ra'ayat dan negeri kita yang di-kasehi ini, mudahan2 dengan ada-

nya kerjasama dan azam yang benar2 suci maka negeri kita akan di-berkati oleh Tuhan dan kita akan sentiasa di-kabulkan berbahagia di-dunia dan di-akhirat.

Akhir-nya saya sukachita mengucapkan tahniah kepada Johan dan Naib Johan yang berjaya dalam Pertandingan Bacha'an Al-Qura'an Senegeri Brunei pada tahun ini dan ada-lah dima'lomkan bahawa Johan tahun ini akan di-beri tambang penoh ke-Mekah seperti titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan pada tahun yang lalu.

Di-samping itu saya mengucapkan terima kasih kepada para peserta sekalian dan berseru supaya mereka bersatu dan menanamkan semangat untuk berusaha bagi mencapai kejayaan dalam pertandingan di-tahun yang akan datang.”

Y.T.M. DULI PENGIRAN PEMANCHA BERANGKAT KA-UNITED KINGDOM

BERAKAS.— Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang dari Brunei dalam perjalanan ka-United Kingdom pada petang 12 Januari, 1965.

Tujuan keberangkatan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli

Pengiran Pemancha ka-United Kingdom ia-lah untuk menghantar dua orang Putera2 Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha, sa-orang Putera Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan dua orang Putera2 Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim belajar di-United Kingdom.

Putera2 Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara, Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha dan Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf yang telah berangkat ka-United Kingdom pada petang hari tersebut ia-lah seperti berikut:

Putera Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara — Pengiran Anak Apong. Putera2 Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha — Pengiran Anak Ja'afar dan Pengiran Anak Puteh. Putera2 Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf — Awangku Yura Halim dan Awangku Yura Laila.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah di-iringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Muhamad.

Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang bersama2 dengan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra pada petang hari tersebut.

Waktu² Sembahyang, Amsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu² sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 20 Januari hingga ka-hari Ahad 31 Januari, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Matahari						
Bulan	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
20	5.05	5.19	6.35	12.37	3.57	6.33	7.45
21	5.05	5.19	6.35	12.37	3.57	6.33	7.45
22	5.06	5.20	6.35	12.37	3.57	6.34	7.45
23	5.06	5.20	6.35	12.37	3.57	6.34	7.45
24	5.06	5.20	6.35	12.38	3.58	6.35	7.46
25	5.07	5.21	6.36	12.38	3.58	6.35	7.46
26	5.07	5.21	6.36	12.38	3.58	6.36	7.47
27	5.07	5.21	6.36	12.38	3.58	6.36	7.47
28	5.07	5.21	6.36	12.39	3.59	6.36	7.47
29	5.07	5.21	6.36	12.39	3.59	6.36	7.47
30	5.07	5.21	6.36	12.39	3.59	6.36	7.47
31	5.07	5.21	6.36	12.39	3.59	6.36	7.47

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Ranchangan Kemajuan Memberi Faedah Kapada Ra'ayat Dan Penduduk2 Negara

BANDAR BRUNEI.—Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan telah bertitah bahawa saperti pada tahun2 yang lampau, Kerajaan Brunei berusaha menyelenggarakan Ranchangan Kemajuan yang berkesan dan perbelanjaan kemajuan yang Majlis Mashuarat Negeri di-minta meluluskan akan memberi faedah kapada ra'ayat dan penduduk2 negeri ini saperti juga pada tahun2 yang lalu.

Titah ucapan tersebut telah di-lafadzkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan di-Persidangan Kedua (Belanjawan) Musim Kelima Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada 29 Disember, 1964.

Titah ucapan Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan di-majlis tersebut ada-lah di-siarkan dengan sapenoh-nya saperti berikut:

“Yang Berhormat Dato Speaker dan Ahli2 Yang Berhormat.

Dengan perasaan bangga saya mengambil peluang berucap kapada tuan2 pada pembukaan Mashuarat Belanjawan ini. Saya yakin, Dato Speaker, bahawa Ahli2 Yang Berhormat tentulah menyedari betapa penting-nya perkara2 yang akan di-bincangkan dalam mashuarat ini. Yang saya maksudkan itu terutama sekali ialah dua perkara yang sedang di-kemukakan kapada Majlis pada hari ini, ya'ani ranchangan2 Kerajaan Brunei bagi perkembangan perlembagaan dan Anggaran Belanjawan, khas-nya Perbelanjaan Kemajuan untuk tahun hadapan.

PILEHAN RAYA

Dua Rang Undang2 mengenai Pilehan Raya yang ada di-hadapan Majlis akan membolehkan di-adakan Pilehan Raya untuk Majlis Mashuarat Daerah dan, bagi kali pertama-nya, Pilehan Raya sechra langsung bagi Majlis Mashuarat ini.

Selain dari pinda'an2 kapada Undang2 Pilehan Raya yang tersebut, Majlis ini juga akan di-pinta supaya meluluskan pindaan kapada Perlembagaan yang perlu untuk membolehkan di-laksanakan langkah yang pertama dalam ranchangan Kerajaan bagi kemajuan perlembagaan sebagaimana telah di-luluskan di-mashuarat tuan2 yang lalu.

Tidak-lah payah saya menegaskan, Dato Speaker, betapa penting-nya hasil2 yang akan terbit dari undang2 ini dan saya per-chaya Ahli2 Yang Berhormat sekalian tentu-lah menyedari

tanggungjawab tuan2 yang berat kapada ra'ayat Negeri Brunei dalam perkara ini.

Saperti di-tahun2 yang lampau Kerajaan sedang berusaha pada

menyelenggarakan ranchangan kemajuan yang berkesan, dan perbelanjaan kemajuan yang Majlis ini di-minta meluluskan akan memberi faedah kapada ra'ayat dan penduduk Negeri ini saperti juga di-tahun2 yang sudah.

Adalah mustahak bagi Ahli2 Yang Berhormat menimbangkan kedua2 perkara tersebut di-mashuarat ini kerana kedua2-nya adalah berkaitan satu sama

lain, dan kemajuan adalah perlu bukan sahaja di-satu lapangan akan tetapi dalam kedua2 lapangan pada sa'at yang sama.

Oleh yang demikian saya sudahi dengan do'a mudah2an Ahli2 Yang Berhormat men-chapai kejayaan dalam per-bincangan tuan2 dan mudah2an di-izinkan Allah supaya mashuarat ini akan di-buktikan sebagai mashuarat yang berkesan demi untuk kebajikan dan kemajuan ra'ayat dan penduduk Negeri Brunei.”

Surat Keliling Jabatan Hal Ehwal Ugama Mengenai Puasa Dalam Bulan Ramadhan

BANDAR BRUNEI. — Seluruh Umat Islam di-Negeri Brunei yang mengakui diri-nya menjunjung titah perintah Allah dan Rasul-nya, hendak-lah menunaikan perintah berpuasa dalam bulan Ramadhan yang di-wajibkan itu, dan jangan-lah makan/minum atau menghisap rokok atau pun melahirkan tidak berpuasa pada siang hari dalam bulan yang mulia ini di-kedai2 atau di-tempat2 khalayak ramai.

Menurut Undang2 Majlis Ugama dan Mahkamah2 Kadzi Negeri Brunei di-bawah Bab 172 Bahagian (9) Bilangan 20 tahun 1955, mereka yang di-dapati melanggar perintah di-atas, boleh di-denda kerana kesalahan yang pertama \$50 kesalahan kedua \$75 dan kesalahan ketiga \$100.

Juga ada-lah di-ingatkan kapada semua pekedai2 yang berkenaan supaya jangan menjual makanan dan minuman kapada orang2 Islam sapanjang siang hari dalam bulan Puasa.

Pekedai2 yang di-dapati melanggar perintah2, itu boleh di-hukum di-Mahkamah2 Magistrate di-bawah Undang2 No. 20 tahun 1955.

Menurut Undang2 No. 20 tahun 1955 bab 65, orang2 yang tersebut di-bawah ini di-beri kuasa menangkap dengan tidak berwarrant mana2 orang yang telah melakukan atau menchuba melakukan apa2 kesalahan di-hadapan-nya yang berlawanan dengan undang2 tersebut yang akan merosakkan keamanan mereka itu ia-lah:—

a) Pulis, b) Penghulu, c) Imam, Khatib dan Bilal.

Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei telah melantek beberapa orang Penyiasat Hal-Ehwal Ugama yang mengawasi dan menjalankan perintah2 itu. Demikian menurut Surat Keliling Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei.

Malam Sambutan Nuzul Al-Koran Anjoran JABATAN UGAMA BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei akan mengadakan Malam Sambutan Nuzul Al-Koran di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada 21 Januari, 1965 mulai pada pukul 8.30 malam.

Sharahan berkenaan dengan Nuzul Al-Koran akan di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Timbalan Kadhi Besar, Negeri Bru-

nei, Awang Mohamed Zain bin Haji Seruddin.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-temasha tersebut ialah sa-buah derama berjudol, “Di-bawah Sinaran Suchi”; persembahan bacaan Sajak, Nashid dan lain2 achara.

Umat Islam dan lain2-nya di-persilakan hadir di-majlis tersebut.

Nasehat Kapada Bakal2 Haji

BANDAR BRUNEI. — Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin, dalam satu siaran kapada bakal2 Haji dari Negeri Brunei, mengatakan bahawa untuk menjaga keselamatan dan mengilak gendala terhadap bakal2 Haji, maka sangat mustahak di-beri tahu kapada bakal2 Haji amaran2 yang di-sebutkan saperti di-bawah ini:

UNDANG2 SA'UDI ARABIA. Menurut Undang2 tersebut, maka bakal2 Haji di-tegah membawa masuk ka-dalam Negeri Saudi Arabia barang2 dagangan untuk berniaga, atau mengambil bahagian dalam apa2 pekerjaan dagangan atau menerima apa2 pekerjaan di-masa mereka tinggal di-Negeri Saudi Arabia apabila Musim Haji.

WANG FALSU NOT KERTAS DI-SAUDI ARABIA. Kedutaan Besar Malaysia di-Saudi Arabia menyatakan bahawa banyak benar wang palsu not kertas 50 rial Saudi sekarang di-taborkan kapada orang ramai.

Oleh itu, bakal2 Haji semuanya di-beri amaran supaya jangan mudah-nya menerima not2 wang kertas yang berharga 50 rial Saudi itu. Wang2 kertas itu mudah sangat di-kenal kerana wang2 itu tidak mengandungi “water mark” gambar pohon temar di-dalam bulatan di-bahagian kanan wang kertas itu.

PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI BRUNEI:

So'alan2 Dan Jawapan2 Bertulis

BANDAR BRUNEI.—Sebanyak 23 So'alan2 Bertulis telah di-kemukakan oleh 5 orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei dalam Persidangan Belanjawan Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada 29 Disember, 1964.

Yang Berhormat Awang R.D. Ross telah mengemukakan 11 So'alan2 Bertulis; Yang Berhormat Awang Mohd. Taib bin Haji Mohd. Salleh telah mengemukakan 5 So'alan2 Bertulis; Yang Berhormat Awang Ariff bin Mujun telah mengemukakan 4 So'alan2 Bertulis; Yang Berhormat Awang Ibrahim bin Haji Ismail telah mengemukakan 2 So'alan2 Bertulis dan Yang Berhormat Awang Langkah Anak Rantap telah mengemukakan satu So'alan Bertulis.

So'alan2 Bertulis tersebut dan jawapan2 Kerajaan terhadap so'alan2 itu ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

OLEH YANG BERHORMAT AWANG R.D. ROSS, P.O.A.S.

1a) **STESHEN PENYELIDEKAN KILANAS:**

Dapat-kah Kerajaan memberitahu apa-kah yang telah dilakukan di-Steshen itu dalam masa 10 tahun yang lalu dan apakah yang telah terjadi terhadap hasil-hasil tanaman?

Semenjak 10 tahun yang lalu Pusat Penchubaa Tanaman Kilanas ada-lah merupakan satu2-nya yang terbesar sekali di-negeri ini dan dapat-lah di-katakan memberi pertolongan besar kepada petani2 tempat di-dalam beberapa chara.

Dari masa ka-masa ia-nya sentiasa menjalankan penyelidikan2 baru di-dalam erti pertanian seperti: menanam jenis2 padi sabagai chontoh serta menda-tangkan jenis2 baru dari luar negeri untuk penchubaaan bagi menyesuaikan dengan keadaan hawa negeri ini supaya menda-tangkan hasil yang baik; menjalankan penchubaaan menggunakan baja2 chemical, memelihara jenis2 ayam teranakan luar negeri bagi memilih jenis2 baik dan mendapatkan telur2 yang banyak, memelihara jenis2 ikan menyemai serta menyedia dan menchantum dll. jenis2 pokok buah2an untuk di-jual dan di-bahagi2kan kepada petani2 yang mempunyai tanah sendiri.

Segala pendapat2 dari penye-lidekan ini di-ma'alumkan kepada petani2 serta orang ramai dari masa ka-masa supaya mengikutinya.

Segala hasil2 tanaman di-Pusta ini di-jual kepada orang2 ramai dengan chara belian tunai dan wang-nya di-masokkan di-dalam jumlah Hasil Pendapatan Jabatan Pertanian.

b) **PAGAR DAWAI BERDURI:**

Berapa-kah banyak wang yang telah di-belanjakan kerana membuat pagar dawai berduri untuk menjaga Kerbau2 dan lain binatang supaya tidak berkeliaran dan kenapa-kah maseh banyak lagi binatang2 itu di-benarkan berkeliaran di-atas jalanraya?

Wang yang di-belanjakan kerana membeli dawai berduri dalam tahun 1964 ia-lah berjumlah lebih dari \$3,000/-. Dawai ini di-bahagi2kan kepada petani2 yang mempunyai kerbau.

Kerajaan dari dahulu hingga sekarang, tidak sunyi dari memberi nasehat kepada petani2 itu supaya jangan membiarkan binatang2 tersebut berkeliaran; terutama sa-kali di-jalan2 raya dan kerjasama pemilek binatang2 itu ada-lah juga di-kehendaki untuk menjayakan usaha ini.

2) **PENUNTUT2 YANG TELAH MEMPUNYAI KE-LAYAKKAN.**

Kenapa-kah berlaku kelewatan bagi menawarkan kerja kepada penuntut2 yang di-hantar ka-seberang Laut untuk berlateh apakala mereka balek ka-Brunei setelah mendapat ke-layakan?

Ada-lah di-fikirkan bahawa tidak terlewat sangat pada melantek penuntut2, Kerana penuntut2 itu, bagaimana pun, adalah bebas, jika ia ingin membayar kembali bayaran latehan-nya, untuk membolehkan mengambil lain pekerjaan, sekira-nya ia-ingin.

3) **TUNTUTAN2 BAGI GANTI-RUGI.**

Bila-kah tuntutan2 bagi ganti-rugi kerana ke-rosakkan/kerugian akibat dari pemberontakan akan di-jelaskan, dan kenapa-kah sebab-nya berlaku kelewatan yang panjang?

Jawatankuasa Tuntutan Ganti Rugi telah pun di-tubuhkan dan ada-lah di-harapkan bahawa segala tuntutan2 yang di-terima akan dapat selesai di-pertimbangkan dengan seberapa chepat yang boleh.

Kelewatan yang di-da'awa itu terjadi ia-lah di-sebabkan lantekan Pengerusi dan Ahli2 Jawatankuasa itu sentiasa bertukar ganti kerana mereka2 itu ada yang pergi meninggalkan negeri ini kerana berchuti dan lain2 hal.

4) **PINGAT2.**

Ada-kah Kerajaan sedang menimbangkan bagi memberi sa-buah Pingat (General Service atau Pingat yang serupa itu) untuk memperingati pemberontakan tahun 1962, dan memberi-

nya kepada semua orang2 yang telah membantu melawan pemberontak2 (apa jua chara-nya), sama ada pehak2 Tentera, Polis atau orang ramai? Jika sedemikian, bilakah pingat itu di-keluarkan, kerana patut-lah di-ingati bahawa sekarang telah hampir2 dua tahun semenjak berlaku-nya pemberontakan? Ada-kah semua Pasokan2 Keselamatan yang datang membantu kita juga akan mendapat-nya, jika tidak, apa-kah sebab-nya?

Ya, Kerajaan telah pun ber-setuju untuk mengornikan Pin-gat Perjuangan kepada mereka yang di-fikirkan berhak menerima-nya. Pingat2 itu akan di-korbankan apabila pesanan-nya di-terima.

5) **PENASEHAT2.**

Ada-kah Kerajaan akan menimbangkan untuk melantek sa-buah Sharikat Penasehat/Berkongsi/Jurutera2 Penasehat yang akan bertanggung jawab bagi semua perkembangan di-dalam negeri ini (sabagaimana yang di-lakukan di-beberapa buah negeri di-Timor Tengah dan Telok Persi) sabagai mengganti chara yang ada sekarang, agar perkembangan dapat di-segerakan?

Dasar Kerajaan ia-lah melantek Penasehat2 bagi projek2 yang tertentu apabila telah nyata bahawa kerja itu tidak boleh di-jalankan oleh Pegawai2 Kerajaan. Ada-lah di-fikirkan tidak patut menyerahkan kawalan Fund Kemajuan kepada sa-buah Sharikat Penasehat2 Professional.

6) **KEHUTANAN.**

Apa-kah yang menyebabkan terlewat-nya di-lantek sa-orang Pegawai Kehutanan Negara?

Oleh kerana belum ada orang2 tempatan yang berkelulusan bagi jawatan ini, maka Kerajaan telah meminta Jabatan Kerjasama Teknikal di-United Kingdom untuk mengambil berkerja sa-orang pegawai yang sesuai dengan konterek, sa-sudah sahaja Pegawai Hutan Negara yang dahulu habis tempoh pinjaman-nya kepada Kerajaan ini ia-itu 4 bulan sa-belum jawatan tersebut menjadi kosong.

Sa-hingga hari ini belum ada orang yang sesuai yang telah di-tawarkan kepada Kerajaan ini oleh Kementerian Kemajuan Seberang laut siapa yang telah di-pinta untuk mengisi jawatan itu dengan seberapa chepat yang boleh.

7) **SUROHANJAYA PER-KHIDMATAN AWAM.**

Ada-kah Kerajaan akan menimbangkan bagi meluaskan ke-

anggotaan chawangan yang amat mustahak ini (masa hadapan semua perkhidmatan2 Kerajaan bergantung ka-atas pemilihan2 dan sokongan2 mereka), untok di-masokkan pegawai2 Kerajaan yang berpengalaman yang telah bersara dan orang2 ramai, supaya Brunei dapat faedah dari pengalaman mereka, mahu pun di-sini dan di-seberang laut, serta pengetahuan pakar mereka?

Belum ada chadangan Kerajaan untok berbuat sedemikian.

8) **PERIKANAN.**

Apa-kah yang telah terjadi tentang pengakajian oleh Kerajaan terhadap Perusahaan Perikanan, dan bilakah sesuatu yang tetap akan di-buat? Ada-kah Kerajaan sedang menimbangkan perlantekan sa-orang Pegawai Perikanan yang berkelayakkan dan jika sedemikian bila-kah orang itu akan tiba? Jika tidak kenapa-kah?

Kerajaan berniat hendak menubuhkan sa-buah Jabatan Perikanan dalam sedikit masa lagi termasuk lantekan sa-orang Pegawai Perikanan yang layak. Sa-orang Pegawai yang sesuai sedang di-chari tetapi belum dapat lagi di-katakan bila-kah dia akan tiba.

9) **STESHEN KERINTINA.**

Apa-kah yang telah terjadi terhadap Steshen Kerintina di-Bandar Brunei yang telah pun di-luluskan oleh Majlis, dan kenapa-kah sebab-nya berlaku ke-lewatan untok menyiapkan projek itu, yang mana ada-lah sangat2 di-kehendaki?

Satu tapak untok sa-buah Pusat Kerintina telah pun di-sediakan dan pembenaan bangunan perlu telah pun di-kemukakan supaya tawaran2 dapat di-perbuat dan ada-lah di-jangka bahawa bangunan itu akan siap dalam masa 4 bulan.

10) **PEGAWAI2 KONTER-REK.**

Ada-kah pegawai2 konterek, yang telah pun menjadi ra'ayat2 Duli Yang Maha Mulia, dan ra'ayat2 Brunei, berhak untok di-timbangkan bagi menjawab jawatan2 tetap, dan jika sedemikian berapa ramai-kah yang sudah menjawab jawatan tetap dari semenjak tahun 1960? Jika tidak, ada-kah Kerajaan akan dapat menimbangkan ranchangan ini?

Ya, Pegawai Konterek siapa yang semenjak ini telah menjadi warga negara Brunei ada-lah layak untok di-pertimbangkan untok di-lantekkan ka-Jawatan Tetap yang Berperenchan. 4 pegawai yang sedemikian itu telah di-lantek semenjak tahun 1960.

(BERSAMBONG)

PERTANDINGAN BACHAAN AL-KORAN PERENGKAT2 KEBANGSAAN DAN ANTARA BANGSA

KUALA LUMPUR. — Pertandingan Bachaan Al-Koran Perengkat Kebangsaan Malaysia akan di-adakan selama tiga malam, ia-itu mulai dari malam 18 Januari hingga ka-malam 20 Januari, 1965 dan Pertandingan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa akan di-adakan selama tiga malam juga ia-itu mulai dari malam 21 Januari hingga ka-malam 23 Januari, 1965.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong akan menyampaikan hadiah2 kepada Khari2 dan Khariah2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut pada malam 23 Januari, 1965.

Pertandingan tersebut akan di-adakan di-pentas yang terapong dalam kolam ayer yang di-bena di-tengah2 Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

Pentas tersebut menelan belanja kira2 \$6,000 dan besar-nya ia-lah 34 kaki x 34 kaki. Luas kolam-nya ia-lah 40 kaki x 40 kaki.

Menurut penerangan Pengerusi Pertandingan Bachaan Al-Koran tersebut, Tuan Syed Nassir bin Ismail, ini-lah kali yang pertama Khariah2 dari luar negeri akan mengambil bahagian dalam Pertandingan Perengkat Antara Bangsa.

Se-banyak 15 buah negara telah di-jemput untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Antara Bangsa dan yang pasti mengambil bahagian dalam pertandingan itu ia-lah Brunei, Thailand, India dan Pakistan serta Malaysia. Negara2 yang lain-nya ia-lah Afghanistan, Burma, Kemboja, Ceylon, Algeria, Philipina, Pulau Maldiv, Sudan, Tanzania, Somalia dan Iran.

Sabah dan Sarawak ada-lah termasuk dalam Jengkonan Negeri2 Malaysia dan Khari2 Serta Khariah2 dari Negeri2 itu akan mengambil bahagian dalam Pertandingan Perengkat Kebangsaan.

Tuan Syed Nasir selanjut-nya menerangkan bahawa kemungkinan Johan2 Pertandingan Perengkat Kebangsaan Malaysia pada tahun ini akan di-hantar melawat ka-negara2 Afrika dan Timor Tengah sambil memperdengarkan bacaan Kitab Suci Al-Koran.

Johan2 Perengkat Kebangsaan Malaysia pada tahun yang lalu telah di-hantar menunaikan Fardhu Haji ka-Mekah.

Lebeh lanjut-nya Tuan Syed Nassir menerangkan bahawa bendera tiap2 negeri yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Perengkat Kebangsaan Malaysia dan dalam Pertandingan Antara Bangsa akan di-kibarkan semasa di-adakan Pertandingan Bachaan Al-Koran yang terma'lom.

Seramai tujuh orang akan menghakimkan Pertandingan Bachaan Al-Koran Perengkat Kebang-

saan Malaysia, ia-itu Tuan Haji Hassan bin Haji Ismail (Johore), Tuan Haji Abdul Rahman Awang (Kedah), Tuan Haji Ahmad Pergau (Kelantan), Tuan Haji Majidin bin Abdullah (Perak), Tuan Haji Azhari (Selangor), Engku Embong Idrus Abdul Kadir (Trengganu) dan Tuan Sheikh Mahmud bin Mohamed Saman (Perlis).

Hakim2 Pertandingan Bachaan Al-Koran Perengkat Antara Bangsa mengandongi seramai tujuh orang juga, ia-itu dua orang dari Republik Arab Bersatu, sa-orang dari Saudi Arabia, sa-orang dari Thailand dan tiga orang dari Malaya.

Mereka akan di-tempatkan di-sabuaah bilek yang khas di-mana mereka akan hanya dapat men-

dengarkan suara pembacha-nya sahaja.

Beberapa orang Pensharah Ugama yang terkenal akan memberikan sharahan pada tiap2 malam di-adakan Pertandingan Bachaan Al-Koran yang terma'lom.

Yang Mulia Doktor Abdul Jalil Hassan, Pengetua, Kolej Islam Malaya, akan melafadzkan sharahan pada malam terakhir pertandingan tersebut.

Saperti pada tahun2 yang lalu, Umat Islam akan dapat mengikuti Pertandingan2 Bachaan Al-Koran, Perengkat2 Kebangsaan dan Antara Bangsa menerusi Radio Malaysia sa-hingga kalarut malam, kechuali pada masa di-adakan bacaan Warta Berita pada pukul 10 malam.

TITAH D. Y. M. M.

(Dari Muka 1)

berkesan ka-arrah kemajuan perlembagaan sedang pun di-ambil dan tindakan2 bagi menyegerakan perkembangan ekonomi dan sosial sedang pun di-jalankan.

Jika sekira-nya ada khabar2 angin yang menyatakan sebakel-nya, maka Beta ingin menjelaskan bahawa pada sa-panjang masa perundingan2 di-London ada-lah terdapat fahaman dan persetujuan penoh antara Beta dan ahli2 rombongan Negeri Brunei, bagi satu pihak, dan Setiausaha Negara bagi Perhubungan Komonwealth, serta Menteri Negara-nya dan pegawai2 yang lain, bagi pihak yang lain, mengenai ranchangan2 bagi masa hadapan Negeri Brunei dan ra'ayat-nya.

Satu perkara yang sangat mengambil perhatian Beta semasa di-London ia-lah da'waan yang baru2 ini di-terbitkan di-Bangsa2 Bersatu oleh Soviet Union menuduh bahawa Brunei ialah sabuaah "Tanah Jajahan British" dan bahawa kekayaan-nya telah di-samun dengan mendatangkan kerugian besar kepada ra'ayat Brunei.

Kita di-Brunei mengetahui betapa dusta-nya tuduhan2 yang sedemikian itu.

Ada-lah dasar Negeri Brunei untuk mengadakan dan mengeratkan hubungan2 yang paling muhibbah dengan kesemua negeri2 yang mempunyai perasaan persahabatan terhadap Brunei, terutama sekali dengan Negeri2 tetangga-nya Malaysia, akan tetapi kita sekarang menyedari ada Negeri2 dalam dunia ini yang mana, malang-nya Chuba membuat kachau bilau di-dalam dan di-antara Negeri2 lain dan dengan itu menghalang negeri2 itu daripada menikmati keadaan2 aman dan sejahtera laila keselamatan yang akan membolehkan kemajuan di-buat ka-arrah berkerajaan demokrasi dan ka-arrah kemajuan ekonomi dan sosial.

Sa-bagai Sultan Negeri Brunei, Beta bersedia bertemu-muka dengan pengkeritik2 Brunei dan menga'ibkan mereka dan Beta perchaya bahawa dalam perkara ini Beta akan mendapat sokongan penoh dari ra'ayat Negeri Brunei.

Akan tetapi hendak-lah sentiasa berjaga2 supaya niat2 yang jahat dari negeri2 yang tidak mempunyai perasaan persahabatan terhadap Negeri Brunei itu tidak akan dapat saperti harapan yang di-hajatkan mereka, menanamkan perasaan kachau bilau dan perasaan permusuhan antara ra'ayat Negeri Brunei sesama sendiri.

Mari-lah kita berdo'a ka-Hadzrat Ilahi dan dengan izin Allah S.W. supaya jangan-lah kita terpisong dari melaksanakan tugas2 kita bersama ya'ini membena Negeri Brunei supaya sentiasa aman dan selamat, agar ra'ayat dan anak chuchu mereka akan dapat menikmati pemerentahan yang berdemokrasi, serta kema'moran ekonomi dan kemajuan sosial," titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Suultan.

PEPEREKSAAN KERANI2

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan Kerani2 bagi Kerani2 Grade 'A' dan Grade 'B' dari Perkhidmatan Kerani2 Awam yang belum lagi berjaya lulus di-dalam peperiksaan yang telah lalu akan di-adakan pada 28 dan 29 Januari, 1965.

Peperiksaan tersebut ia-lah peperiksaan kelayakkan kerana melalui sekatan2 di-dalam "Grade" masing2.

Kelulusan di-dalam peperiksaan tersebut tidak-lah bererti yang orang2 masuk peperiksaan yang berjaya, akan di-naikkan dengan serta merta. Akan tetapi, orang2 yang tidak lulus di-dalam peperiksaan itu, tidak-lah akan mendapat timbangan kenaikan.

KHARI2 DAN KHARIAH2 BRUNEI KA-KUALA LUMPUR

BERAKAS. — Khari2 yang menjadi Johan dan Naib Johan dalam Pertandingan Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei Tahun 1965 dan Khariah2 yang menjadi Johan dan Naib Johan pertandingan tersebut telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang dari Brunei pada petang 16 Januari, 1965 untuk mewakili Negeri Brunei dalam Pertandingan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa.

Mereka ia-lah Awang Mohamed Hashim Al-Masud yang telah menjadi Johan dalam pertandingan tersebut Bahagian Lelaki dan Awang Abdullah bin Metassan, Naib Johan Bahagian Lelaki dalam pertandingan itu, serta Johan Bahagian Perempuan, Dayang Aminah binti Siling dan Naib Johan Bahagian Perempuan, Dayang Rubiah binti Haji Mohamed Jawi.

Awang Mohamed Hashim Al-Masud dan Awang Abdullah bin Metassan ia-lah dari Daerah Brunei/Muara.

Dayang Aminah binti Siling ia-lah dari Daerah Belait, manakala Dayang Rubiah binti Mohamed Jawi ia-lah dari Daerah Tutong.

Turut berangkat bersama2 dengan Khari2 dan Khariah2 tersebut ka-Kuala Lumpur ia-lah Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kematudin ibni Almerhom Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin.

Khari2 dan Khariah2 tersebut telah di-iringi oleh Awang Tahir bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar dan Dayang Aminah binti Mohamed Yassin.

JAWATAN - JAWATAN KOSONG

Pemandu Motor Sangkut Di-Pejabat Perubatan

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pemandu Motor Sangkut di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan, Brunei (Ranchangan Membasmi Malaria).

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

- Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei.
- Chalon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut selama sekurang2-nya tiga tahun.
- Boleh memperbaiki kerosakan2 kechil motor2 sangkut.

TUGAS2:

Pemohon yang terpilih akan di-tempatkan di-merata daerah2 dalam Negeri dan mesti-lah bersedia untuk bertugas sama ada pada siang hari atau malam.

GAJI: Dalam sukatan F. 2-3-4-5-6 — \$152x3—158—160—180x4—200.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi dari Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 23 Januari, 1965.

Jadual Lawatan Pegawai Pemereksa Sukatan Dan Timbangan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Orang2 ramai ada-lah di-beritahu bahawa Pegawai Pemereksa Sukatan dan Timbangan Brunei akan melawat ka-tempat2 yang berikut dalam bulan Januari, Februari, Mach dan April, 1965:—

Bandar Brunei	5 Januari — 30 Januari.
Muara dan Serasa	1 Februari.
Baru2 dan Berbunut	6 Februari.
Bandar Brunei	8 Februari — 13 Februari.
*Labu, Batu Apoi, Temburong	} 15 Februari — 20 Februari.
Lama, Biang Estate dan Belaban, Bangar termasuk Pandaruan.	
Bandar Brunei	22 Februari — 27 Februari.
*Sengkuring	1 Mach.
*Tutong dan Danau	2 Mach — 8 Mach.
*Tunggulian dan Sg. Liang	9 Mach.
Bandar Brunei	10 Macch — 13 Mach.
Kuala Belait	15 Mach.
*Kuala Belai	16 Mach.
*Bukit Puan dan Kawasan Labi.	17 Mach — 20 Mach
*Bukit Sawat dan Pengkalan Siong	21 Mach.
*Kuala Belait (di-bilek Bacha'an dan Penerangan)	23 Mach — 3 April.
*Seria	5 April — 10 April.

*Terta'alok kepada perubahan.

Penduduk2 dalam kawasan Temburong yang mempunyai Sukatan dan Timbangan dari kampung Batu Apoi, Temburong Lama, Biang Estate, Belaban dan Pandaruan hendak-lah membawa perkakas mereka itu ka-Pejabat Kerajaan di-Bangar atau di-bilek Bacha'an Pejabat Penerangan, Temburong di-antara 15 hingga 20 Februari.

Penduduk2 dalam kawasan Labi, Kampong Tanajor, Ratan, Rampayoh, Tanipul, Kampul, Gatas, Tarawan, Simpang dan Telapok Labi hendak-lah membawa perkakas Sukatan dan Timbangan mereka ka-Rumah Tumpangan Labi dari 17 hingga 20 Mach.

Penduduk2 yang mempunyai perkakas Sukatan dan Timbangan dari kampung Danau hen-

dak-lah membawa perkakas2 mereka ka-Pejabat Kerajaan di-Tutong di-antara 2 hingga 8 Mach.

Perhatian semua pedagang2 dan lain2 orang ada-lah di-minta mengenai maksud bab 12(2) Undang2 Sukatan dan Timbangan (Penggah 69) yang berbunyi seperti berikut:—

“(2) Tiap2 orang yang menggunakan atau ada menyimpan bagi penggunaan perdagangan sebarang sukatan, timbangan atau alat perkakas menimbang yang tidak di-chap sebagaimana yang di-kehendaki oleh bab ini boleh di-kenakan denda tidak lebih daripada dua puluh lima ringgit atau dalam per-

Pemandu Land Rover Di-Pejabat Perubatan

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan kosong sebagai Pemandu Land Rover di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan, Brunei (Ranchangan Membasmi Malaria).

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen2 memandu.
- Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei.
- Chalon untuk pelantikan mesti-lah sudah berumur 20 tahun tetapi tidak pula lebih dari 50 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu kereta selama sekurang2-nya 5 tahun dan tidak pernah di-hukum kerana kesalahan memandu dengan chuai oleh mahkamah.

TUGAS2:

- Chalon yang terpilih mesti-lah boleh memandu Land Rover untuk Ranchangan Membasmi Malaria.
- Pemohon2 mesti-lah bersedia bertugas sama ada pada siang hari atau malam di-mana2 daerah dalam Negeri.
- Boleh memperbaiki kerosakan2 kechil motor2 sangkut.

GAJI: Dalam sukatan F. 5-6 atau F. 6-7 \$180x4-200 atau \$184x4-212.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh diperolehi dari Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 23 Januari, 1965.

Penyelenggara Setor Di-Pejabat Penjara

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Penjara, Brunei.

GAJI: Dalam sukatan gaji E. 1—2—3 \$183x7—211—220x10—260—280—290—300.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakkan2 dan pengalaman seperti berikut boleh di-timbangan:—

- (a) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau pun berhak untuk menjadi ra'ayat Sultan.
- (b) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah V Sekolah Melaju dan Form I Sekolah Inggeris atau yang bersamaan dengannya.

(c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya selama 3 tahun dalam kerja setor.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 1 Februari, 1965.

kara kesalahan yang kedua kali-nya lima puluh ringgit dan sukatan, timbangan atau alat perkakas menimbang itu boleh di-rampas dan sabarang perjanjian tawaran, penjualan atau urusan yang di-buat oleh sukatan, timbangan atau alat perkakas menimbang sedemikian kerana menyukat akan terbatat.”

Pegawai2 Kerajaan di-minta bekerja sama membuat persiapan untuk menerima kedatangan dan menyediakan tempat2 bagi Pegawai Pemeriksa dan enam orang anggota-nya.

LATEHAN MENEMBAK OLEH PASOKAN KESELAMATAN

TUTONG. — Pasokan keselamatan akan mengadakan latehan menembak mulai pada 13 Januari, 1965 hingga ka-10 Februari, 1965 di-kawasan2 yang berikut:

Kampung Penanjong menuju ka-Kampung Telisai dan dari Kuala Tutong sampai ka-Kampung Belabau.

Penduduk2 di-kawasan2 tersebut di-minta berjaga2 pada masa di-adakan latehan menembak oleh Pasokan Keselamatan.

LAWATAN MUHIBBAH PEGAWAI2 DAN AHLI2 PASOKAN MELAYU PERSATUAN ANGKATAN BARU SANDAKAN KA-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Seramai 30 orang Pegawai2 dan ahli2 Pasokan Melayu Persatuan Angkatan Baru (PABS) Sandakan, Sabah, Malaysia telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini.

Tujuan lawatan rombongan tersebut ka-Negeri Brunei ia-lah untuk menghubungkan perpaduan muhibbah dengan penduduk2 di-negeri ini dan juga untuk mengadakan pertandingan2 Bola Sepak, Buku Tangkis dan Sepak Raga Jaring sa-chara persahabatan dengan pasokan2 tempatan.

Rombongan tersebut di-bahagikan kepada enam kumpulan. Ketua2 Kumpulan itu ia-lah seperti berikut:

Kumplan I: Ketua-nya ia-lah Inche Abdul Ghani Mulok, Kumpulan II: Ketua-nya ia-lah Inche Baiby Paulos, Kumpulan III: Ketua-nya ia-lah Inche M. Taib Hamid, Kumpulan IV: Ketua-nya ia-lah Inche M.A. Jambul, Kumpulan V: Ketua-nya ia-lah Inche Mahmud Rahim dan Kumpulan VI: Ketua-nya ia-lah Chegu Wahab Rahim.

Para pelawat tersebut telah tiba di-Brunei dengan kapal laut pada 29 Disember, 1964.

Mereka telah melawat ka-Istana Darul Hana, pada pagi 30 Disember dan pada sa-belah petang pula, rombongan tersebut telah melawat ka-Radio Brunei.

Pegawai2 dan ahli2 Pasokan Melayu Persatuan Angkatan Baru Sandakan itu telah di-ra'ikan di-satu majlis jamuan makan oleh Persekutuan Guru2 Melayu

Brunei, bertempat di-Dewan sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada malam 30 Disember.

Mereka telah di-hiborkan dengan bunyian2 oleh Pasokan Pancharagam Guru2 Melayu Brunei, di-bawah pimpinan Awang Mohamed Sum bin Hashim.

Beberapa orang penyanyi2 tempatan telah memperdengarkan suara mereka yang merdu di-majlis tersebut, manakala murid2 Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah pula telah mempersembahkan tarian2 yang berchorak kebudayaan Melayu di-majlis itu.

Selain dari itu, atas permintaan ramai, M.A. Jambul, sa-orang biduan dari Pasokan Melayu Persatuan Angkatan Baru, Sandakan telah menyanyi satu lagu suka-ramai dengan mendapat sambutan yang baik dari kalangan para hadirin.

Uchapan2 telah di-lafadzkan majlis itu oleh Yang Di-pertua Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh

dan lain2-nya. Uchapan2 itu telah di-balas oleh Inche Mahmud Rahim bagi pehak PABS dengan kata-kata yang berharga.

Para pelawat tersebut telah bertolak balek ka-Sandakan dengan kapal laut pada 4 Januari, 1965.

Semasa di-Negeri Brunei, mereka telah melawat ka-Makam Sultan Bolkihah, Masjid Omar Ali Saifuddin, Makam Di-Raja, Kampong Ayer, Seri Kuala Belait dan ka-lain2 tempat.

Para pelawat itu juga telah di-ra'ikan di-beberapa majlis jamuan oleh penduduk2 tempatan semasa lawatan mereka ka-Negeri Brunei baharu2 ini.

Pada masa lawatan tersebut, Pasokan Melayu Persatuan Angkatan Baru, Sandakan telah mengadakan 2 perlawanan bola sepak, 2 perlawanan bulu tangkis dan satu perlawanan sepak raga jaring sa-chara persahabatan dengan pasokan2 tempatan, seperti berikut:

PERLAWANAN BOLA SEPAK

Pada petang 1 Januari, 1965 Pasokan Melayu Persatuan Angkatan Baru, Sandakan telah mengalahkan Pasokan Bola Sepak Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dengan 4 gol berbalas 2 gol.

Perlawanan tersebut telah diadakan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul

Alam, Bandar Brunei dan di-saksikan oleh ramai para penonton.

Pada petang 2 Januari, 1965 pula Pasokan Bola Sepak Champoran Negeri Brunei telah mengalahkan Pasokan Melayu Angkatan Baru, Sandakan dengan 4 gol berbalas 1 gol, bertempat di-Padang Kuala Belait.

BULU TANGKIS

Pasokan Bulu Tangkis Sum-biling telah mengalahkan Pasokan Melayu Persatuan Angkatan Baru, Sandakan Pasokan "B" dengan 5 perlawanan tidak berbalas dalam perlawanan bulu tangkis sa-chara persahabatan pada 31 Disember, 1964.

Pada 2 Januari, 1965 Pasokan Bulu Tangkis Champoran, Bandar Brunei telah mengalahkan, Pasokan Melayu Persatuan Angkatan Baru, Sandakan Pasokan "A" dengan 4 perlawanan berbalas 1 perlawanan.

SEPAK RAGA JARING

Pasokan Sepak Raga Jaring Champoran, Bandar Brunei, telah mengalahkan Pasokan Sepak Raga Jaring Pasokan Melayu Persatuan Angkatan Baru, Sandakan dengan 5 perlawanan tidak berbalas.

Perlawanan sepak raga jaring itu telah di-adakan pada 31 Disember, 1964 di-Gelanggang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei.

PERLUMBAAN BERJALAN KAKI SEKOLAH MELAYU SUNGAI KEBUN BERJAYA

KAMPONG SUNGAI KEBUN. — Sekolah Melayu Sungai Kebun telah mengadakan Perlumbaan Berjalan Kaki terbuka kepada murid2 lelaki dan perempuan sekolah itu sa-bagai sambutan Perayaan Penutup Penggal Akhir Persekolahan bagi tahun 1964 dalam bulan Disember yang lalu.

Perlumbaan berjalan kaki itu di-bahagikan kepada tiga peringkat ia-itu seperti di-bawah ini:

Peringkat "A": Murid2 yang berumur dari 6 tahun hingga 8 tahun sa-jauh 1 batu.

Peringkat "B": Murid2 yang berumur dari 9 tahun hingga 12 tahun sa-jauh 2 batu.

Peringkat "C": Murid2 yang berumur 13 tahun ka-atas sa-jauh 3 batu.

Yang Dimuliakan Pehin Seri Wangsa Haji Muhammad telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam Perlumbaan Berjalan Kaki tersebut.

Keputusan perlumbaan itu adalah seperti di-bawah ini:

PERINGKAT "A"

MURID2 LELAKI: 1. Abdül Karim bin Ibrahim, 2. Mahari

bin Haji Karim, 3. Damit bin Othman.

MURID2 PEREMPUAN: 1. Aisah binti Lakim, 2. Sanah binti Hamid, 3. Azizah binti Rais.

PERINGKAT "B"


MURID2 LELAKI: 1. Ak. Tajuddin bin Pengiran Salleh, 2. Kamaluddin bin Halim, 3. Takong bin Bakar.

MURID2 PEREMPUAN: 1. Julia binti Duraim, 2. Dayangku Zauyah binti Pengiran Damit, 3. Dayang Damit binti Ja'afar.

PERINGKAT "C"

MURID2 LELAKI: 1. Ahmad bin Metussin, 2. Metassan bin Buntar, 3. Alias bin Md. Yusof.

MURID2 PEREMPUAN: 1. Masnah binti Md. Daud, 2. Rosni



Murid2 perempuan dari Sekolah Melayu Sungai Kebun kelihatan dalam gambar ini berlumba di-temasha Perlumbaan Berjalan Kaki sekolah tersebut dalam bulan Disember yang lalu.

binti Md. Nor, 3. Dayangku Nor-alam binti Pengiran Tunggal.

BAHAGIAN RUMAH2

Pertama: Pasokan Dato Gandhi — 1,751 mata. Kedua:

Pasokan Lumut Lunting — 1,780 mata. Ketiga: Pasokan Jong Batu — 1,902 mata. Empat: Pasokan Kota Batu — 1,912 mata.

PERTANDINGAN BINTANG RADIO BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Akhir Bintang Radio Brunei Tahun 1965 akan di-adakan di-Bandar Brunei pada 6 Februari, mulai pukul 7.30 malam. Pertandingan itu, mungkin akan di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei. Akan tetapi, sa-kiranya berlaku sa-suatu perkara yang tidak dapat di-elakkan, maka pertandingan itu akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan.

Sementara itu, pada malam 7 Januari, 1965 pula Radio Brunei, Bahagian Melayu akan mempersembahkan "SERBANIK AIDIL FITRI" di-Pentas Pertandingan Bintang Radio.

Seramai 38 orang peserta akan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Mereka akan mengandungi 15 orang dari Daerah Brunei/Muara, ia-itu 7 orang biduan dan 8 orang biduanita; 9 orang dari Daerah Tutong, ia-itu 5 orang biduan dan 4 orang biduanita; 8 orang dari Daerah Seria/Bela, ia-itu 4 orang biduan dan 4 orang biduanita; serta 6 orang dari Daerah Temburong, ia-itu 3 orang biduan dan 3 orang biduanita.

LAGU2 PERTANDINGAN

Lagu2 yang akan di-pertandingkan di-temasha tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

BAHAGIAN LELAKI: Lagu Langgam — Belaian Sayang dan Bimbang Tanpa Pegangan. Asli — Kuala Deli dan Serunai Malam.

BAHAGIAN WANITA: Lagu Langgam — Dendang Hati Ku dan Chinta Palsu. Asli — Se-

lamat Tinggal dan Selamat Pergi Pahlawan Ku.

CHATETAN: Johan Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1964, Bahagian Lelaki ialah Biduan M.J. Adenani dari Daerah Tutong. Johan Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1964, Bahagian Wanita ialah Biduanita Norleha Mohamed Noor, dari Daerah Belait.

TAMAT MENGHADHIRI KURSUS JURU KIRA2 DI-AUSTRALIA

BANDAR BRUNEI. — Enam orang Pegawai2 Kerajaan Brunei yang telah berangkat ka-Australia dalam bulan Ogos tahun 1961 telah kembali ka-Brunei baharu2 ini setelah tamat menghadiri kursus Juru Kira2 di-State Commercial College, Brisbane.

Mereka ia-lah Awang Ahmad W. Skinner, Awang Alias P. Jupp, Awang Mohamed Ali Bakar, Awang Chong Kow Tze, Awang Zakaria Jenah dan Awang John Puk Min Sang.

DAFTAR PENGUNDI2 PILEHAN RAYA

BANDAR BRUNEI. — Rang Daftar Pengundi2 yang mana pendaftaran-nya tamat pada 31 Disember, 1964, telah pun siap di-susun dan di-taip.

Pengundi2 boleh-lah melihat Rang Daftar Pengundi2 itu di-Pejabat2 Daerah dan di-Bilik2 Bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, di-Daerah masing2 pada waktu2 bekerja siang hari sa-hingga dan termasuk hari Isnin 25 Januari, 1965. Demikian menurut Penyelia Pilehan Raya, Brunei Awang Matnor McAfee.

MALAM "SERBANIK AIDIL FITRI"

BANDAR BRUNEI. — Radio Brunei, Bahagian Melayu akan mempersembahkan "SERBANIK AIDIL FITRI" di-Pentas Pertandingan Bintang Radio pada malam 7 Februari, 1965.

Tiga buah Pancharagam yang terkenal akan mengambil bahagian di-temasha tersebut, ia-itu Pancharagam Enam Sekawan di-bawah pimpinan Idris Mohamed; Pancha Kirana Orkest di-bawah pimpinan Bujang Johari dan Irama Perindu Orkest di-bawah pimpinan Ak. Abdul Rahman bin Pengiran Alim dan Awangku Damit bin Pengiran Kalong.

Beberapa orang "Bintang2" Radio Brunei dan lain2-nya akan memperdengarkan suara mereka di-temasha tersebut.

Selain dari itu, "Raja2 Kelakar" tempatan tidak ketinggalan akan "menggeli-hati" para penonton dengan mempersembahkan lakonan2 lawak-jenaka mereka yang istimewa di-temasha "Serbanika Aidil Fitri".

AWANG MOHAMED ZAIN HAJI SERUDDIN KA-MEKAH

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Kadhi Besar Negeri Brunei, Awang Mohamed Zain bin Haji Seruddin, telah di-pilih oleh Kerajaan Brunei untuk menjadi Pensharah U gama kapada bakal2 jema'ah2 Haji dari Malaysia dan Brunei yang akan belayar dalam kapal Haji yang pertama ka-Tanah Suchi.

Awang Mohamed Zain di-jangka akan berangkat dari Brunei ka-Singapura dengan kapal terbang pada 29 Januari, 1965. Beliau akan belayar dari Singapura ka-Jeddah dengan kapal "Kuala Lumpur" pada 5 Februari, 1965, dan balek dari Jeddah dengan kapal Haji yang pertama itu juga.

Ini-lah kali yang pertama, Negeri Brunei di-pilih oleh Lembaga Pengawal Haji Malaysia untuk melantek sa-orang pensharah U gama kapada bakal2 Haji dalam pelayaran dari Singapura ka-Jeddah dan balek ka-Singapura dengan kapal Haji itu juga.

Wakil2 Brunei Menghadhiri Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia

MELBOURNE. — Enam orang Perwakilan Pengakap dari Negeri Brunei telah tiba di-Melbourne untuk menghadiri Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia.

Perkhemahan Pengakap2 itu telah di-adakan di-Melbourne, Australia mulai pada 31 Disember, 1964 hingga ka-9 Januari, 1965.

Rombongan perwakilan Pengakap2 tersebut mengandungi 3 orang Guru2 Pengakap dan 3 orang Pengakap.

Mereka ia-lah Guru Pengakap

Awang Sharbini bin Mohamed Taha (Ketua Rombongan), Guru Pengakap Thani bin Muhammad, Guru Pengakap Abas bin Ahmad, Pengakap Ahmad bin Mohamad Noor dari Pasokan Pengakap Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Pengakap Awangku Hussain bin Pengiran Tengah dari Pasokan Pengakap Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei dan Pengakap Leong Wai Heng dari Pasokan Pengakap Pertama, Seria.

Malam Nuzul Al-Koran Anjoran P.B.P.S.U. Brunei

Bandar Brunei. — Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah2 U gama, Brunei akan mengadakan sambutan Nuzul Al-Koran bertempat di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada pukul 8.30 pagi hari Ahad 24 Januari, 1965.

Timbalan Kadhi Besar, Brunei, Awang Mohamed Zain bin Haji Seruddin yang juga menjadi Penasehat Persatuan tersebut akan

melafadzkan satu sharahan khas di-majlis yang terma'lom.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-majlis itu ia-lah peraduan Sharahan antara Persatuan2 di-Bandar Brunei, Bachaan Al-Koran, Nashid dan lain2-nya.

Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah2 U gama, Brunei suka-chita menjemput orang rami kamajlis tersebut.



Pertandingan Bintang Radio Daerah Belait telah di-adakan dalam bulan Disember yang lalu dengan memperoleh sambutan yang baik. Dalam gambar ini kelihatan tiga orang Biduanita2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut. Di-tengah ia-lah Zainun Jamil, manakala di-kiri ia-lah P.I. Sunah dan di-kanan pula ia-lah Salmah Anam.